


[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
Jalan Yang Shook Lin  
46675 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Telpon: +603-7956 3544  
Faksimili: +603-7958 1494  
Email: [info@mbpj.gov.my](mailto:info@mbpj.gov.my)  
Laman web: <http://www.mbpj.gov.my>



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
LAPORAN TAHUNAN 2006



*mesra, cepat dan tepat*

© MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Hakcipta 2006 MBPJ

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**Penerbit:**



Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Jalan Yong Shook Lin  
46675 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

**Perunding:**

Institut Perkembangan Minda (INMIND)  
Aras 15, Menara Yayasan Selangor  
No. 18A, Jalan Persiaran Barat  
46000 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

## Rasional

Petaling Jaya, tinggalan sejarah, berdiri megah sebagai lambang pentadbiran awal negeri Selangor. Majlis Bandaraya Petaling Jaya menjadi peneraju pembangunan kehidupan yang selesa dengan mewujudkan persekitaran mesra alam dan pentadbiran mesra rakyat.



# misi

- Perkhidmatan yang berkualiti dan pengurusan bandar raya cemerlang
- Kemudahan prasarana yang sempurna, selamat, selesa dan mesra
- Organisasi yang berteraskan IT dan mengamalkan budaya berkualiti
- Penggerak pembangunan sosial dan ekonomi
- Alam sekitar yang sejahtera

# wawasan

- Petaling Jaya Bandaraya Milik Semua

## Kandungan

Perutusan Dato' Menteri Besar Selangor	2
Perutusan Datuk Bandar	3
Kawasan Pentadbiran	4
Selangor Pandang	5
Maklumat Asas	6
Program Teras	10
Ahli Majlis	12
Pengurusan	14
Carta Organisasi	15
Pendapatan	20
Perbelanjaan	22
Perkhidmatan Perancangan Bandar	24
Perkhidmatan Bandar	25
Perkhidmatan Kawalan Bangunan	26
Perkhidmatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan	27
Perkhidmatan Pengurusan Alam Sekitar	27
Perkhidmatan Kesihatan	28
Perkhidmatan Pelesehan	30
Perkhidmatan Penilaian dan Pengurusan Harta	31
Perkhidmatan Penguatkuasaan Undang-undang	31
Perkhidmatan Pembangunan Masyarakat	32
Perkhidmatan Pengurusan Aduan / Perhubungan Awam	32
Perkhidmatan Kemudahan Am	33
Perkhidmatan Landskap dan Rekreasi	34
Aktiviti Tahunan	36
Direktori	44

dan tepat

# Perutusan Dato' Menteri Besar Selangor

"Peranan PBT sebagai penyedia perkhidmatan perbandaran perlu berintegriti, proaktif, telus (*transparent*) dan bertanggungjawab (*accountable*) dalam melaksanakan tugas. Rakyat sebagai pembayar cukai berhak mengetahui tentang peranan, gerak kerja dan prestasi PBT yang menguruskan kawasan mereka. Pengurusan bandar yang efektif dan efisien akan meningkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan PBT itu sendiri."

Negeri Selangor telah mencapai status sebuah Negeri Maju pada tahun 2005. Pencapaian ini menuntut komitmen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik seiring dengan status yang telah dicapai.

Peranan PBT sebagai penyedia perkhidmatan perbandaran perlu berintegriti, proaktif, telus (*transparent*) dan bertanggungjawab (*accountable*) dalam melaksanakan tugas. Rakyat sebagai pembayar cukai berhak mengetahui tentang peranan, gerak kerja dan prestasi PBT yang menguruskan kawasan mereka. Pengurusan bandar yang efektif dan efisien akan meningkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan PBT itu sendiri.

Pada hemat saya penerbitan Laporan Tahunan ini merupakan mekanisme terbaik untuk PBT 'berkomunikasi' dengan pelanggan. Melalui penerbitan ini kefahaman pelanggan akan meningkat dan boleh memberikan maklum balas secara tepat, positif dan berasas. Ini dikukuhkan lagi dengan pelbagai dasar dan pendekatan yang telah diperkenalkan untuk penambahbaikan sistem penyampaian.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua PBT kerana berjaya menghasilkan laporan tahunan dengan dibantu oleh Institut Perkembangan Minda (INMIND). Saya berharap usaha murni ini dapat dilakukan dengan konsisten dan akan bertambah baik lagi pada tahun-tahun akan datang.

Saya berharap penerbitan Laporan Tahunan ini akan terus membantu memperkasakan pengurusan PBT Selangor yang lebih Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Semoga negeri Selangor akan terus ke hadapan dan sentiasa mendahului negeri-negeri lain dalam memacu pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
Dato' Menteri Besar Selangor

# Perutusan Datuk Bandar

Syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya maka Laporan Tahunan ini dapat diterbitkan. Penyediaan Laporan Tahunan bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya dapat dilaksanakan dengan baik atas sokongan dan kerjasama dari semua pihak. Alhamdulillah proses penyajian berjalan lancar.

Tanpa ketekunan, ketelitian dan kerjasama daripada semua pihak terutama INMIND adalah mustahil sebuah buku yang berkualiti dapat dihasilkan. Diharapkan laporan ini akan mampu mencerminkan ketulusan pihak Majlis dalam semua aspek dan perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan perkhidmatan yang disediakan.

Laporan Tahunan ini dilihat mampu mewujudkan sebuah PBT yang telus dan mesra pelanggan. Penerbitan ini juga menjadi satu dokumen rasmi MBPJ yang boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh warganya kerana mengandungi pelbagai bentuk informasi tahun 2006.

Selaras dengan itu, pihak Majlis telah mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam bagi menyokong pembangunan tersebut. Pelbagai bentuk inisiatif telah diambil oleh pihak Majlis seperti mempertingkatkan lagi kualiti sistem perbandaran dan memperkemas lagi perkhidmatan perbandaran yang disediakan.

Akhir kata MBPJ akan terus berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggannya. Ini bertepatan dengan wawasan kami iaitu menjadikan Petaling Jaya sebuah "Bandaraya Sejahtera Milik Semua" melalui pengurusan bandar cemerlang berteraskan Prinsip Agenda 21 Tempatan (LA 21) teras utama dalam perancangan dan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

  
HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN SAKIMAN

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya

"Pelbagai bentuk inisiatif telah diambil oleh pihak Majlis seperti mempertingkatkan lagi kualiti sistem perbandaran dan memperkemas lagi perkhidmatan perbandaran yang disediakan."





# Selayang Pandang

550,000  
jumlah penduduk

97.2  
keluasan  
kilometer persegi

Kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terletak bersebelahan dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Keluasan kawasan pentadbiran ini ialah 97.2 kilometer persegi. Penduduk Petaling Jaya dianggar seramai 550,000 orang. Kaum Cina merupakan penduduk majoriti dengan kadar 40 peratus. Ini diikuti oleh kaum Melayu dan Bumiputera sebanyak 37 peratus manakala kaum India sebanyak 16 peratus dan baki 7 peratus terdiri daripada kaum-kaum lain.

Petaling Jaya berkembang menjadi sebuah bandar raya yang pesat membangun sebagai pusat tumpuan bagi pelaburan, perindustrian dan pendidikan. Ia menjadi pusat tumpuan bagi pendidikan kerana wujudnya pelbagai institusi pengajian seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej Rima dan Kolej Stamford.

Sektor perdagangan dan perindustrian merupakan penjana utama ekonomi Petaling Jaya. Aktiviti ekonomi ini melibatkan lebih kurang 20 peratus daripada keluasan Petaling Jaya. Majoriti penduduk menjadikan sektor ini sebagai sumber pendapatan utama mereka.

Kedudukan Petaling Jaya yang strategik di antara Kuala Lumpur dan Shah Alam menjadikannya mudah diakses dari pelbagai arah. Jalan raya utama di Petaling Jaya ialah Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Damansara-Puchong, Lebuhraya Sprint, Lebuhraya Pantai Baru, New Klang Valley Expressway, Kerinchi Link dan Penchala Link.

Bas dan teksi merupakan sistem pengangkutan awam terpenting penduduk Petaling Jaya. Sistem pengangkutan komuter dan transit aliran ringan (LRT) merupakan kemudahan alternatif pengangkutan awam bagi memudahkan pergerakan orang ramai kesan pertambahan penduduk dan pengguna jalan raya. Penduduk di kawasan Seri Setia, Taman Dato' Harun dan Taman Petaling menggunakan perkhidmatan KTM Komuter manakala penduduk di Kelana Jaya, Taman Bahagia, Taman Paramount, Asia Jaya dan Taman Jaya menggunakan perkhidmatan LRT sebagai alternatif kepada pengangkutan awam yang disediakan.

Sektor perdagangan dan perindustrian merupakan penjana utama ekonomi Petaling Jaya. Aktiviti ekonomi ini melibatkan lebih kurang 20 peratus daripada keluasan Petaling Jaya. Majoriti penduduk menjadikan sektor ini sebagai sumber pendapatan utama mereka.

# Maklumat Asas

## Perniagaan, Perumahan dan Industri

MBPJ memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam diberi keutamaan dalam memperkasa dan meningkatkan tahap keselesaan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Setiap pembangunan yang dirancang adalah selari dengan Agenda 21 Tempatan.

### Jenis Perniagaan

Industri Perkhidmatan	959
Restoran	679
Runcit	481
Perkhidmatan Sosial	269
Kewangan dan Insurans	120
Borong	118
Stesyen Minyak	35
Hotel	20

### Jenis Perumahan

Teres	50,446
Pangsapuri	48,995
Rumah Pangsa	44,995
Banglo	8,623
Berkembar	7,653
Town House	68

### Industri

Berat	13
Sederhana	4
Ringan	2

Usaha pembangunan perdagangan di kawasan Majlis lebih tertumpu pada usaha menyediakan industri perkhidmatan iaitu sebanyak 959. Industri perkhidmatan seperti bank-bank perdagangan beroperasi secara meluas kerana potensi serta kedudukan Petaling Jaya dalam sektor perdagangan dan ekonomi. Pembukaan cawangan-cawangan bank seperti Bank Islam, Bank Rakyat, Public Bank, Standard Chartered Bank, CIMB Bank, RHB Bank dan Maybank mencerminkan keyakinan institusi-institusi kewangan terhadap hasil pulangan dan manfaat yang boleh dinikmati bersama-sama dengan anggota masyarakat Petaling Jaya.

Kebanyakan kilang-kilang terletak di Seksyen 51, 51A, 13 dan 19. Industri tertumpu pada sektor pembuatan, elektronik, pemprosesan bahan mentah, produk pengguna, industri teknologi tinggi dan industri berorientasikan perkhidmatan pelanggan.



# Maklumat Asas

## Pasar dan Kemudahan Komuniti

6  
jenis  
perumahan




19  
jumlah  
industri



8  
jenis  
permagaan



14  
jenis kemudahan  
komuniti



### Pasar (Bilangan Gerai)

Pasar Awam	1,263
Gerai Kompleks	795
Pasar Pagi / Lambak	741
Permit Penjaja Sementara	536
Gerai Tepi Jalan	408
Gerai Swasta	151
Penjaja Bergerak	72
Kawasan Pasar Malam	18

### Kemudahan Komuniti

Pusat Kitar Semula	65
Dewan / Balai Raya	35
Stesen Minyak	35
Bangunan Kerajaan dan Persekutuan	26
Pejabat Pos	11
Pusat Membeli-belah Utama	10
Balai Polis	10
Pusat Kebajikan	4
Balai Bomba	3
Tanah Perkuburan Islam	3
Tanah Perkuburan Hindu	2
Tanah Perkuburan Buddha / Konfusi	1
Tanah Perkuburan Kristian	1
Tanah Perkuburan Orang Asli	1

# Maklumat Asas

Institusi Pendidikan dan Kemudahan Pusat ICT

**Institusi Pendidikan**

Institusi Pengajian Tinggi Awam	3
Institusi Pengajian Tinggi Swasta	17
Sekolah Menengah	17
Sekolah Rendah	23
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	39
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan India	7
Sekolah Rendah Agama	3
Sekolah Swasta (Sekolah Sepenuh Masa)	5
Sekolah Antarabangsa	7
Tadika / Taska	4
	<b>221</b>

Institusi pengajian tinggi awam yang ada adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM Matrikulasi) dan Institut Kelembagaan Mara. Anjuran institusi pengajian tinggi swasta pula adalah Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Kolej Damansara Utama (KDU).

Pendidikan untuk golongan istimewa tidak dipungutkan di mana terdapat sebuah sekolah di Kelana Jaya khusus untuk golongan cacat pendengaran yang dikenali sebagai Sekolah Orang Pekak AINOMICHI.

**Kemudahan Pusat ICT dan Perpustakaan Milik Majlis**

Pusat Komuniti IT	3
Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya	1
Perpustakaan Cawangan (Kota Damansara)	1

Perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan pinjaman
- Perkhidmatan rujukan
- Perkhidmatan perpustakaan kanak-kanak
- Perkhidmatan audio visual
- Perkhidmatan Perpustakaan Digital dan Multimedia Sistem Pengurusan Perpustakaan ILMU (*Integrated Library Management Utilities*)
- Perkhidmatan Multimedia

- 8

# Maklumat Asas

## Kesihatan, Riadah dan Sukan serta Anugerah

329

institusi  
pendidikan



5

pusat ICT  
dan perpustakaan



226

kemudahan  
kesihatan



16

kemudahan  
riadah dan sukan



### Kemudahan Kesihatan

Hospital Awam / Swasta	8
Pusat Kesihatan Awam	5
Klinik Swasta	213

Antara hospital yang terdapat di Petaling Jaya ialah Hospital Assunta, Hospital Mata Tun Hussein dan Hospital Pakar Damansara.

### Kemudahan Riadah dan Sukan

Pusat Sukan	10
Taman Rekreasi	4
Stadium	2

Kompleks Sukan Kelana Jaya merupakan salah satu pusat sukan terbaik di negara ini. Dua buah kolam renang bersaiz olimpik, gelanggang tenis, badminton, skuasy dan padang permainan disediakan untuk penduduk. Kemudahan yang disediakan memberi ruang kepada penduduk untuk menganjur dan menyertai aktiviti-aktiviti sukan.

### Anugerah dan Pengiktirafan 2006

- Prestasi Pertama Kategori A Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Anugerah Pengurusan Pejabat dan Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.
- Anugerah Pihak Berkuasa Mampan.



# Program Teras

## Program "Back to Basic"

- Gagasan idea Dato' Menteri Besar Selangor untuk meningkatkan khidmat asas PBT kepada masyarakat.
- Program pemantauan aduan khidmat asas bermula sejak awal Februari 2006.
- Menekankan tindakan penambahbaikan aspek-aspek penyelenggaraan khidmat asas seperti parit / longkang, sampah sarap, jalan berlubang, lampu jalan, rumput panjang dan taman permainan.

## Penubuhan Pusat Setempat (One Stop Center)

- Bertujuan meningkatkan sistem penyampaian (*delivery system*), prosedur dan proses cadangan pemajuan di PBT dengan memendekkan tempoh proses permohonan.
- Melaksanakan sistem pengurusan permohonan pemajuan yang sistematik dan efisien.

## Bandar Selamat

- Mewujudkan persekitaran yang harmoni bagi menjamin keselamatan penduduk.

## Mesra Rakyat

- Dasar mesra rakyat bertujuan mendekatkan masyarakat dengan pihak berkuasa ke arah kesejahteraan bersama.

## Bandar Bebas Halangan

- Menyediakan kemudahan awam bagi golongan orang kurang upaya.
- Menyediakan suasana yang kondusif dan selamat untuk kepentingan rakyat.

## Agenda 21 Tempatan (LA21)

- Pelaksanaan Agenda 21 Tempatan (*Local Agenda 21*) bermula pada tahun 2000 dengan tujuan menggalakkan penyertaan masyarakat setempat dalam proses perancangan dan pembangunan.
- Isu-isu utama yang telah dikenal pasti adalah isu alam sekitar, infrastruktur, sosial dan keselamatan. Program yang dijalankan melibatkan usaha sama dan penyertaan semua pihak.



*mesra, cepat dan tepat*

Taman Tasik Jaya

11

# Ahli Majlis

Ahli-ahli Majlis mempunyai peranan dan tanggungjawab iaitu:

- Menjadi tempat rujukan penduduk mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan MBPJ.
- Menjadi orang perantaraan antara rakyat dengan MBPJ dan sebaliknya.
- Bertanggungjawab memastikan kawasan kawalan berada dalam keadaan baik.
- Bertanggungjawab memantau isu-isu semasa seperti setinggan, gerai haram, video haram, masalah sosial dan sebagainya.
- Menerima aduan-aduan dari rakyat dan merujukkan kepada MBPJ.
- Membantu MBPJ memantau masalah wabak penyakit.

1. Y.Bhg. Tn. Hj. Mohamad Roslan bin Sakiman
2. Y.B. Dato' Dr. Wong Sai Hou
3. Y.B. Dato' Lim Choon Kin
4. Y.B. Senator Dato' Hj. khwan Salim bin Dato' Hj. Sujak
5. Y.Bhg. Datuk Yahaya bin Hj. Bujang
6. Tn. Dr. Wong Chee Yong
7. En. Krishnan a/l Narayana Redy
8. En. Choo Yoong Fatt @ Chow Yoong Fatt
9. En. Nor Azman bin Mohd Nor
10. En. Mohamad Azli bin Mohamed Saad
11. En. Abu Hasan Asha'ari bin Alang Jaman
12. En. Megat Firdouz bin Tan Sri Megat Junid
13. Pn. Halimaton Saadiah binti Bohan



1



2



3



4



5



6



7



8



9



10



11



12

14. Pn. Jamilah Hanim binti Othman  
15. Pn. Munaliza binti Hamzah  
16. Cik Ir. Zaidah binti Idris  
17. En. Subramaniam a/l Palandaram  
18. Pn. Hjh. Rusna binti Aman  
19. Tn. Dr. Ng Khek Kiung  
20. En. Wong Kok Loong  
21. En. Juan Sei Chang  
22. Pn. Ong Chong Swen @ Ong Chong Siew  
*Tiada Dalam Gambar*  
23. Y.Bhg. Kapt. (B) Dato' Hj. Zahar bin Hashim  
24. Y.M. Raja Datuk Ropiaah binti Raja Abdullah  
25. En. Subramaniam a/l Veruthasalam



13



14



15



16



17



18



19



20



21



22

# Pengurusan



1 2 3 4 5 6



7 8 9 10 11 12 13

	<p>14</p> <p>1,343 tenaga kerja</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Y.Bhg. Tn. Hj. Mohamad Roslan bin Sakiman (Datuk Bandar)</li><li>2. Zulkepli bin Ahmad (Setiausaha)</li><li>3. Ahmat Mohaayen bin Hj. Said (Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan)</li><li>4. Saldiyah binti Khasimran (Pengarah Perbendaharaan)</li><li>5. Sharipah Marhaini binti Syed Ali (Pengarah Perancang Bandar)</li><li>6. Mohd Amir bin Tukiman (Pengarah Pembangunan dan Penyelenggaraan)</li><li>7. Dr. Saadiah binti Abdullah (Pengarah Kesihatan)</li><li>8. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh (Pengarah Penilaian)</li><li>9. Aznan bin Hassan (Pengarah Kemasyarakatan)</li><li>10. Hamidah binti Ariffin (Pengarah Kawalan Bangunan)</li><li>11. Samsul Bahari bin Nonchi (Pengarah Teknologi Maklumat)</li><li>12. Haniza binti Abdul Hamid (Pengarah Perhubungan Awam)</li><li>13. Mohd Fauzi bin Maarop (Pemangku Pengarah Pengurusan &amp; Keselamatan)</li></ol>

# Carta Organisasi

Datuk Bandar



Ahli Majlis

Setiausaha			Bahagian Audit Dalam	Bahagian Perundangan		
Jabatan Khidmat Pengurusan	Jabatan Perbendaharaan	Jabatan Pembangunan & Persekitaran	Jabatan Perancangan Pembangunan	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan	Jabatan Pembangunan Masyarakat
Pentadbiran Am & Urusetia	Hasil	Kesihatan Awam	Pentadbiran	Pentadbiran	Penyelenggaraan	Kemudahan Am
Sumber Manusia	Kewangan	Pentadbiran	Perancangan Pemaju & Penyelidikan Dasar	Penilaian	Infrastruktur	Pembangunan Sukan
Pelesenan	Pentadbiran	Alam Sekitar & Kawal Selia	Perancangan Strategik & Program Khas	Pengurusan Harta Benda & Perumahan	Landskap	Pembangunan Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan
Projek Khas	Perbelanjaan	Klinikal	Pengurusan Maklumat & Khidmat Teknikal	Penswastaan & Hal Ehwal Tanah		Perpustakaan & Pengurusan Maklumat
Bekalan Tender & Kontrak	Pengurusan Letak Kereta		Pengawalan Perancangan Penguatkuasaan			
Latihan Kerjaya	Semakan		Pembangunan Mampu & Penyelarasan Perancangan			

Jabatan Kawalan Bangunan	Jabatan Teknologi Maklumat	Jabatan Perhubungan Awam & Korporat	Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan	Jabatan Mekanikal & Elektrikal
Proses Kelulusan Pelan	Pentadbiran & Operasi	Perhubungan Awam	Pentadbiran	Pengangkutan & Mekanikal
Penyelidikan Pembangunan & Statistik	Penyelenggaraan & Bantuan Teknikal	Korporat	Penguatkuasa & Operasi	Elektrik & Elektronik
Kawalan Bangunan & Penguatkuasaan	Pembangunan	Aduan & Hal Ehwal Awam	Pengurusan Kompaun Berkomputer	Pentadbiran
Pentadbiran		Pentadbiran	Keselamatan	
Uruselia Pusat Penyerahan Setempat			Pengurusan Am & Aduan	






DYMM Tuanku Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan  
Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Berkenan Menyempurnakan Majlis Penyerahan  
Watikah Pengisytiharan Petaling Jaya Sebagai Bandaraya







## Prestasi Kewangan


- Pendapatan
- Perbelanjaan

## Pendapatan

**RM 213,624,679**  
pendapatan 2006



### Pendapatan



Bil.	Perkara	Jumlah(RM)
1	Hasil Cukai	150,171,463
2	Lesen, Pendaftaran dan Permit	11,231,744
3	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	15,598,217
4	Perolehan Jualan Barang-barang	1,695,148
5	Sewaan	9,125,392
6	Faedah dan Perolehan Pelaburan	3,097,345
7	Denda dan Kompaun Hukuman	15,981,188
8	Sumbangan dan Bayaran Balik	285,117
9	Pulangan Balik Perbelanjaan	877,303
10	Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasikan	1,463,696
11	Pelarasian Pendapatan Tahun Lalu	971,934
12	Caruman Bantuan Kadar	726,132
13	Geran Penyelenggaraan Jalan	2,400,000
	Jumlah	<b>213,624,679</b>

